

15/01/2002

Ada pihak peralat guru untuk sebar ideologi

KUALA LUMPUR, Isnin - Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin (gambar), mengesahkan kewujudan elemen dari dalam dan luar negara yang mempergunakan guru di Malaysia untuk menyebarkan ideologi mereka.

Katanya, perkara itu terbukti apabila ada kalangan guru yang mendakwa memang sudah menjadi tanggungjawab kerajaan menyediakan kemudahan seperti perumahan dan elaun untuk golongan berkenaan.

"Jika kita teliti, perkataan ini (iaitu memang sudah menjadi tanggungjawab kerajaan) adalah perkataan berunsur tidak baik. Mereka sepatutnya bersyukur, bukan mengatakan ini tanggungjawab kerajaan.

"Perkataan itu memperlihatkan orang sedemikian mempunyai niat tidak baik," katanya selepas menghadiri Perhimpunan Tahunan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 2002.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa budaya ganas semakin menular di kalangan pelajar berikutan tindakan pihak tertentu yang membawanya sehingga golongan berkenaan sanggup berkelakuan sedemikian.

Perdana Menteri semalam berkata, pelajar menjadi ganas berikutan ada orang yang mengajar supaya menjadi ganas.

Dr Mahathir mengulas penahanan seorang pelajar sekolah menengah di Besut, Khamis lalu kerana didapati memiliki tiga bahan peledak bersama sebiji peluru 9MM. Pelajar itu ditahan setelah pengetua sekolah melaporkan perkara itu kepada polis.

Siasatan awal mendapati bahan itu ditinggalkan bapa saudaranya, seorang askar, di rumah datuknya di Besut dan pelajar berkenaan dikatakan membawa bahan itu ke sekolah hanya untuk berseronok.

Abdul Aziz berkata, kenyataan Perdana Menteri itu adalah suatu pemerhatian yang tepat, bukan diada-adakan, dan jauh sekali daripada mempunyai niat berunsur politik.

Katanya, jika sikap buruk sedemikian dipupuk di kalangan pelajar, ia akan membentuk generasi masa depan yang keras hati dan hanya pandai mengkritik tetapi tidak tahu bersyukur.

Bagi mengatasi masalah itu, Kementerian Pendidikan mengambil langkah mewajibkan Kurikulum Kebangsaan Prasekolah dilaksanakan di semua institusi prasekolah di seluruh negara.

"Kementerian Pendidikan akan mengambil prasekolah sebagai tanggungjawab kita. Hari ini kita jangan cakap saja tetapi mesti menyediakan guru dan infrastrukturnya. Bila siap, kita laksanakan apa yang kita fikir patut untuk negara kita," katanya.

(END)